

18 NOV 1997

Dewan-Usul

DEWAN UNDANGAN NEGERI JOHOR LULUS USUL KUTUK ANGGOTA KONGRES AMERIKA

JOHOR BAHRU, 18 Nov (Bernama) -- Persidangan Dewan Undangan Negeri hari ini sebulat suara meluluskan usul tergepar mengutuk usaha 34 anggota Kongres Amerika Syarikat hendak membawa usul mendesak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta maaf atau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri kerana didakwa membuat kenyataan anti-Yahudi.

Usul yang turut mengutuk tindakan Amerika untuk menyiasat Petronas kerana terbabit dalam urusniaga di Iran itu dibawa oleh Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman (BN-Serom) dan disokong Datuk Mohamad Haji Aziz (BN-Parit Yaani).

Dewan membuat ketetapan menyokong secara padu kepimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri untuk terus memimpin Malaysia ke arah negara maju, merdeka dan berdaulat.

Abdul Ghani ketika membentangkan usul itu berkata tindakan anggota Kongres meminta Dr Mahathir memohon maaf secara terbuka atau meletak jawatan itu adalah satu penghinaan dan campurtangan terhadap bangsa dan negara.

Tindakan untuk menyiasat Petronas kerana berdagang dengan Iran juga adalah tindakan angkuh lagi keterlaluan yang melampaui kebebasan perdagangan antarabangsa, kata beliau.

"Kita menerima dan mengiktiraf Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri yang dipilih oleh rakyat secara demokratik dan menyanjung tinggi segala usahanya membina Malaysia sebagai sebuah negara maju, berdaulat dan dihormati di peringkat antarabangsa," katanya.

"Maka Dewan yang bersidang hari ini mengutuk sekeras-kerasnya tindakan 34 anggota Kongres Amerika yang tidak bertanggungjawab, angkuh lagi biadap kerana bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia serta kedaulatan dan kemerdekaan sesuatu bangsa," kata Abdul Ghanai.

Menurutnya, tindakan Amerika untuk menyiasat Petronas berunsurkan ugutan dan keangkuhan Amerika mengenakan undang-undang domestik mereka terhadap negara lain.

Ia bertentangan dengan amalan kebebasan sesebuah negara untuk berdagang antara satu dengan lain secara bebas dan terbuka. -- BERNAMA

MKO NMO